



Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity

LAPORAN TAHUNAN

# 2014

Berasaskan Nilai,  
Berkonsentrasi Strategi,  
Berprestasi

[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



FAKULTI



## FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (FKEE)

### PERTANDINGAN ROBOACT 2014

Program *ROBOACT* 2014 adalah merupakan pertandingan robotik dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah dengan tujuan menarik minat pelajar terhadap teknologi robot yang semakin berkembang. Sekolah-sekolah ini mendapat latihan dan bantuan kepakaran staf dan pelajar UMP.



## FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI (FKKSA)

### MoU UMP BERSAMA IUKL

Dalam mendepani cabaran era globalisasi dan ledakan maklumat semasa, UMP menerusi Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), telah memperkenalkan program kerjasama francais Kejuruteraan Kimia UMP-IUKL di peringkat Sarjana Muda. Kerjasama ini adalah inisiatif strategik kedua-dua belah pihak, dengan tujuan untuk menyahut kehendak pasaran antarabangsa yang semakin meningkat terutamanya daripada negara-negara Timur Tengah terhadap bidang Kejuruteraan Kimia.





### PROFESOR DR. ABDULRAHMAN HAMID NOUR TERIMA ANUGERAH DOKTOR KEHORMAT PERSURATAN, IBC

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dr. Abdulrahman Hamid Nour telah mengharumkan nama UMP di persada antarabangsa apabila menerima anugerah Doktor Kehormat Persuratan dari International Biographical Centre (IBC), Cambridge, England. IBC merupakan pusat yang mengumpul biografi daripada seluruh dunia bagi tujuan penerbitan buku untuk rujukan. Ditubuhkan pada tahun 1969, pusat ini menempatkan hampir dua juta individu yang terkandung dalam penerbitan biografi dari seluruh dunia yang telah menyumbangkan jasa mereka dalam bidang kepakaran masing-masing sama ada dalam bidang Penyelidikan, Sains, Kejuruteraan, Perniagaan dan sebagainya.

## FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

### **INTERNATIONAL ADVANCED SCHOOL OF WIND ENGINEERING (IAS 10) HIMPUNKAN PAKAR KEJURUTERAAN ANGIN DARI 6 BUAH NEGARA**

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), UMP telah menganjurkan International Advanced School of Engineering (IAS - 10) pada 10 hingga 12 Februari 2014 bertempat di Hyatt Regency Kuantan dengan tema *Wind Related Disaster and Risk Reduction*. Persidangan yang menghimpunkan pakar kejuruteraan angin dari enam buah negara ini dihadiri oleh Profesor Dr. Yukio Tamura dari Tokyo Polytechnic University Japan, Profesor Dr. Shuyang Cao Tongji University China, Profesor Dr. R. Flay University of Auckland New Zealand, Profesor Dr. Theodore Stathopoulos Concordia University Canada, Profesor Dr. Michael Schatzmann University of Hamburg Germany dan Profesor Dr. R. Yoshie Tokyo Polytechnic University Japan. Manakala pembentang dari Malaysia diwakili oleh Profesor Dr. Elias Salleh dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Taksiah Majid dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Profesor Dr. Mazlan Hashim dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Persidangan yang dianjurkan dengan kerjasama *The School of Architecture and Wind Engineering Global COE Tokyo Polytechnic University* bertujuan membincangkan bidang penyelidikan kejuruteraan angin khususnya pada mitigasi bencana angin terhadap bangunan, pengudaraan rumah dan juga kesan pencemaran terhadap kualiti udara.



## LAWATAN PROFESOR TAMU, PROFESOR DR. MASAYUKI HYODO BERI IMPAK BESAR DALAM PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKADEMIK FKASA

FKASA telah menerima kunjungan rasmi dari Profesor Tamu FKASA iaitu Profesor Dr. Masayuki Hyodo dari Yamaguchi University pada 8 hingga 17 October 2014. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bertujuan mendapatkan pandangan pakar dalam bidang penyelidikan dan akademik.

Antara program lawatan ini adalah Mesyuarat Pengurusan bersama Profesor Tamu, Mesyuarat Bersama Pelajar Pasca Siswazah, Mesyuarat Bersama Kumpulan Penyelidik, Mesyuarat Cadangan Program Mobiliti UMP-Yamaguchi University dan Lawatan ke Makmal FKASA. Beliau juga telah menyediakan laporan lengkap hasil penilaian dan semakan kepada struktur kurikulum program akademik fakulti.

Beliau juga telah menyampaikan Syarahan Profesor Tamu bertajuk *Recent Research & Development of Geotechnical Engineering in Japan - Earthquake Engineering, Methane Hydrate Productions and Recycle Materials* pada 15 Oktober 2014 di Dewan Tun Fatimah yang telah dihadiri kira-kira 200 staf dan pelajar.



## MoU ANTARA UMP DAN MSSA SERTA PELANCARAN BUKU LATIHAN INDUSTRI BERSTRUKTUR DENGAN KERJASAMA CIDB

FKASA telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Malaysia Structural Steel Association (MSSA) bagi kerjasama dari aspek pembangunan sumber manusia, akademik, penyelidikan dan latihan pada 3 April 2014 di Dewan Bankuet Canseleri UMP. MoU ini memberikan peluang latihan yang besar kepada pelajar FKASA mendapatkan pendedahan dalam bidang pembinaan terutamanya melibatkan struktur besi. Pada majlis ini, UMP diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan FKASA, Fadzil Mat Yahya manakala MSSA diwakili oleh Profesor Dr. Azlan Adnan, Naib Presiden MSSA dan Ir Foong Tong Wei, Council Member MSSA.

Pelancaran Buku Latihan Industri Berstruktur dengan kerjasama CIDB pula telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP dan Pengurus Kanan Bahagian Personnel Binaan CIDB, Haniza Soid Hamidi.

## FKASA DAN UTY JALIN KERJASAMA MELALUI SEMINAR DAN PROGRAM MOBILITI PELAJAR

FKASA menjalinkan kerjasama yang erat dengan University Teknologi Yokyakarta, Indonesia melalui Program Mobiliti Pelajar UTY-UMP dan Joint Seminar UTY-FKASA. FKASA telah menerima pelajar mobiliti dari UTY sejak tahun 2013 lagi.



## FAKULTI SISTEM KOMPUTER & KEJURUTERAAN PERISIAN (FSKKP)

Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), UMP mencatat sejarah apabila penyelidik dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad telah berjaya memenangi tempat kedua Anugerah Harta Intellect Negara bagi kategori Hak Cipta bagi tahun 2014. Beliau bersama penyelidik lain iaitu Ainul Azila Che Fauzi, Azlina Zainuddin serta Noriyani Mohd Zin menerima hadiah wang tunai tujuh ribu ringgit berserta piala dan sijil penghargaan. Anugerah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan Malek pada majlis anugerah Harta Intellect Negara 2014 di Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2014.

Hari Harta Intellect Negara bertemakan 'Transformasi Negara Bangsa Melalui Harta Intellect' anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Perbadanan Harta Intellect Malaysia (MyIPO) adalah program untuk membawa nilai ekonomi negara ke tahap lebih baik.

Dr. Noraziah kini giat menjalankan penyelidikan dalam bidang pangkalan data teragih, yang merupakan kepakaran beliau. Kajian yang bertajuk '*Binary Vote Assingment on Grid Quorum (BVAGQ)*' ini adalah berkaitan dengan pengurusan pangkalan data di dalam persekitaran teragih. Ianya tertumpu kepada replikasi data dalam rangkaian bagi meningkatkan kebolehpasaran data yang pantas, kebolehpercayaan dan ketepatan data, serta pengurusan penggunaan storan yang minimum bagi mengelakkan pembaziran.

BVAG ialah satu teknik di dalam kajian replikasi pangkalan data teragih. Proses replikasi ialah menyalin data ke beberapa buah pelayan replikasi yang lain untuk menjamin ketersediaan data. Apabila kita menyimpan data di beberapa tempat teragih, isu yang timbul ialah, apa yang akan terjadi bila satu data di kemas kini pada satu tempat. Bagi data yang memerlukan kemas kini yang kerap, bagaimana sistem boleh memastikan semua data yang dikemas kini adalah konsisten dan betul? Oleh itu, teknik replikasi yang dinamakan BVAG direka untuk menyelesaikan isu-isu terbabit.



# FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

Sepanjang tahun 2014, terdapat beberapa kejayaan utama yang dicatatkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UMP.

## **JOURNAL OF MECHANICAL ENGINEERING & SCIENCES (JMES) BERJAYA DIINDEKS SCOPUS**

Kejayaan Journal of Mechanical Engineering (JMES) SCOPUS telah direalisasikan apabila berjaya diindeks oleh SCOPUS bermula pada 9 Disember 2014. Jurnal yang diasaskan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal ini mula diterbitkan pada Disember 2011 dan telah mendapat pengiktirafan indeks SCOPUS dalam tempoh kurang dari tiga tahun dari tarikh ia diterbitkan.

Skop bidang bagi penerbitan jurnal tersebut adalah seperti berikut:

- *Computation and Experimental Mechanics*
- *Dynamics, Vibration and Sound*
- *Engineering Materials and Technology*
- *Fluids Mechanics*
- *Structural Modeling and Design*
- *Manufacturing and Industrial Engineering*
- *Robotics and Control*
- *Thermal and Power Engineering*
- *Fuels and Energy*
- *Advanced Materials*
- *Applied Mechanics*
- *Tribology*
- *Biomechanical Engineering*
- *Sports Engineering*
- *Ergonomics*
- *Sustainable Energies*
- *Fatigue and Fracture Mechanics*
- *Corrosion Engineering*
- *Nanosciences and Nanotechnology*
- *Materials Processing Techniques*
- *Optimization*

## **PENAWARAN PROGRAM SARJANA KEJURUTERAAN AUTOMOTIF DWI IJAZAH**

Hubungan akademik serta penyelidikan antara UMP dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) kini lebih erat dengan usaha FKM dan juga German Academic & Career Centre (GACC) untuk menawarkan program Sarjana Kejuruteraan Automotif Dwi Ijazah. Program ini dijangka akan ditawarkan pada September 2016.





## FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI (FSTI)

### MAHASISWA FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI (FSTI) MEMENANGI HADIAH KETIGA DI NATIONAL LEVEL GLOBAL INNOVATION CHALLENGES 2014-2015 DI AUSTRALIA.

Air merupakan sumber utama dalam kehidupan. Kajian menganggarkan bahawa kualiti air daripada tahun ke tahun mulai tercemar disebabkan pencemaran daripada pelbagai sektor. Masalah mendapatkan air bersih adalah masalah utama terutama kepada generasi yang akan datang. Justeru, *American Chemical Society Malaysia Chapter* telah menganjurkan *ACS Global Innovation Challenge* yang disertai oleh mahasiswa-mahasiswa seluruh universiti di Malaysia pada 8 November 2014.

FSTI telah menghantar seramai tiga orang mahasiswa daripada jurusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Bahan dan telah memenangi hadiah tempat ketiga di dalam pertandingan berprestij ini. Mereka ialah Wong Wan Yin, Yap Pui Yee dan Chua Shu Ting yang telah mempersembahkan kajian mereka bertajuk “*Catalyst Free Carbon*

*Nanospheres for Water Purification*”. Kajian mereka adalah menggunakan bahan-bahan sisa buangan bio untuk meningkatkan kualiti air dan membersihkan air. Mahasiswa-mahasiswa ini di bawah seliaan pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri iaitu Dr. Gurumurthy Hegde.

### SISWAZAH UMP TERPILIH WAKILI NEGARA DALAM PERTANDINGAN TRANS-TASMANIAN 3 MINUTES THESIS

Buat julung kalinya siswazah UMP terpilih bagi mewakili negara ke Pertandingan *Trans-Tasmanian 3 Minutes Thesis Competition 2014* yang diadakan di University of Western Australia (UWA), Perth Australia pada 3 November 2014. Dalam pertandingan ini siswazah dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), Vidhyaa A/P Paroo Indran membentangkan penyelidikan pengajian ijazah kedoktorannya di bawah seliaan Dr. Mohd Hasbi Abd Rahim bertajuk “*Novel Synthesis Approach of Organic Carbonates in Presence of Catalyst Derived from Waste Boiler Ash*” manakala tajuk khas bagi persembahan 3MT

adalah “*A Novel Green Synthesis Approach of Organic Carbonates – Waste into Wealth!*”.

Pertandingan yang berlangsung di Octagon Theater UWA ini berjaya menemukan peserta daripada 52 buah universiti di serata dunia untuk mempersembahkan pembentangan projek penyelidikan yang sedang dijalankan mereka dalam tempoh singkat selama tiga minit dengan gaya penyampaian yang mudah difahami.

Pertandingan ini sememangnya merupakan satu inisiatif institut ini untuk mengantarabangsakan UMP dan IPS di peringkat global, memupuk hubungan antarabangsa dalam kalangan pelajar pasca siswazah UMP, memupuk budaya kreativiti dan memasyarakatkan hasil penyelidikan untuk dikongsikan dengan masyarakat luar.



### PROGRAM KOMUNITI PELAJAR TAHUN AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) BIOTEKNOLOGI INDUSTRI ANJURAN KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME FOR SUSTAINABLE ENVIRONMENT

Pada 1 November 2014, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Bioteknologi Industri telah melibatkan diri dalam program komuniti bersama pelajar-pelajar Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah dan Sekolah Menengah Agama Al-Irsyad. Program ini merupakan kerjasama antara *Petrosains Play Smart* Kuantan dan Yayasan Pahang.

Program ini telah diadakan di Kompleks Yayasan Pahang dan para pelajar telah didedahkan dengan Sistem Tanaman Akuaponik. Sistem ini merupakan system tanaman yang stabil dan mampan kerana ia tidak melibatkan sebarang penggunaan baja kimia dan bahan-bahan berbahaya. Program ini adalah sebahagian daripada Program Pemindahan Ilmu yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia telah dihadiri seramai 120 orang peserta iaitu pelajar, guru dan ibu bapa. Objektif utama program

ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dan juga sebagai platform kepada para mahasiswa UMP untuk melibatkan diri dengan masyarakat setempat.



### MATHEMATICS SUPPORT CENTRE (MSC), FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI (FSTI), UMP

*Mathematics Support Centre* (MSC) mula beroperasi secara rasmi pada Semester I 2014/2015 di bangunan Blok W, yang dahulunya merupakan tapak bilik kuliah WDK 18. Khidmat konsultasi MSC dilaksanakan serentak untuk kedua-dua kampus UMP. Bagi Kampus UMP Pekan, MSC pula ditempatkan di Bilik Perbincangan 1, FKP. MSC merupakan satu inisiatif Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) untuk membantu pelajar diploma dan ijazah pertama di UMP dalam meningkatkan pemahaman mereka terhadap kursus Matematik.

Misi utama MSC adalah untuk memberi sokongan kepada pelajar dalam meningkatkan kompetensi matematik mereka. Manakala objektif MSC adalah untuk:

- meningkatkan penguasaan

kemahiran asas Matematik pelajar.

- memimpin pelajar menyelesaikan permasalahan Matematik secara efisien.
- membina keyakinan diri pelajar terhadap ilmu Matematik.
- membekalkan rujukan tambahan kepada pelajar dalam kursus Matematik.



Perasmian MSC telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pada 3 Disember 2014.

Sesi konsultasi MSC berlangsung pada setiap hari Isnin, Selasa dan Khamis bermula jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang. Sesi konsultasi ini diselia oleh pensyarah dan pelajar pascasiswazah (GRS) kursus matematik pada setiap slot yang telah disediakan. Pada hari Rabu dan Jumaat konsultasi diadakan berdasarkan temu janji sahaja. MSC mendapat sambutan yang positif daripada pelajar-pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan bermula minggu kedua sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) berdasarkan kehadiran yang direkod pada setiap kali kunjungan para pelajar ke MSC.



Sekitar sesi konsultasi MSC

Bimbingan dan nasihat akademik  
Staf yang berkompeten dan peramah

Nasihat akademik secara intensif

Untuk info lanjut, boleh layari portal rasmi MSC di <http://mathsc.ump.edu.my/>.

### PENGANJURAN SEMINAR INTERNATIONAL STATISTICAL CONFERENCE 2014



FSTI telah menganjurkan *The 2<sup>nd</sup> ISM International Statistical Conference 2014 with Applications*

*in Sciences and Engineering (ISM-II)* pada 12 - 14 August 2014 di M.S. Garden Hotel, Kuantan. Persidangan ini merupakan anjuran bersama dengan Institut Statistik Malaysia (ISM) dan Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dengan tema *Empowering the Applications of Statistical and Mathematical Science*. Persidangan ini telah dihadiri seramai 140 peserta dari pelbagai negara.

Skop penyelidikan yang dibincangkan sepanjang persidangan merangkumi Analisis *Bayesian*, Biostatistik, Perlombongan Data, Ekonometriks, Pendidikan Statistik, Statistik Perubatan, Kualiti dan Peningkatan Produktiviti, *Robust* Statistik, Pengkomputeran Statistik, Proses Stokastik, Siri Masa, Matematik Gunaan, Bioinformatik, Kaedah Berangka, Penyelidikan Operasi, Matematik Tulen dan bidang yang berkaitan. Tiga sesi pengucap utama dikendalikan oleh tiga profesor yang didatangkan khas dari luar negara iaitu Profesor Xuerong Mao dari University of Strathclyde, Glasgow, UK, Profesor Dr. Rahmatullah Imon dari Ball State University, USA dan Prof. Thavaneswaran dari University of Manitoba, Kanada.

### PENCAPAIAN BERIMPAK TINGGI STAF AKADEMIK FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI

Dr. Mohd Rashid Ab Hamid, Pensyarah Matematik di FSTI telah memenangi Anugerah Utama Kategori Rencana Popular anjuran Persatuan Sains

Matematik Malaysia (PERSAMA). Pertandingan ini merupakan pertandingan tahunan anjuran PERSAMA dan pertandingan ini telah disertai oleh ahli-ahli akademik seluruh IPTA.



## FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)



### PENYELIDIKAN FKP DIIKTIRAF DI RUSIA

Penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP telah mengharumkan nama universiti di persada antarabangsa apabila meraih pingat

emas dalam pertandingan projek penyelidikan dan pameran Teknologi Inovasi dan Rekaipita Antarabangsa Moscow (Archimedes) ke-17 di Pusat Konvensyen dan Pameran Sokolniki di Moscow pada 4 April 2014.

Projek penyelidikan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Ahmad Razlan Yusoff iaitu *Process Damping: An Alternative Method for Titanium Machining* memperoleh pingat emas dan hadiah khas daripada *Association of Polish Inventors and Rationalizers Poland*. Selain itu, projek tersebut juga dianugerahkan dengan pingat perak khas atas usaha dan teknologi penggunaan titanium yang memberangsangkan dan mendapat perhatian panel juri dan pengunjung di Moscow.

### JALINAN STRATEGIK DENGAN SEKOLAH KLUSTER, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTANAH HAJJAH KALSOM

FKP telah menjalinkan hubungan strategik dengan sekolah kluster, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom melalui penawaran perkhidmatan kepakaran staf fakulti. Ini adalah usaha untuk mewujudkan jalinan strategik antara kedua belah pihak.



PERKARA	PENCAPAIAN
<p>Penawaran perundingan kepakaran kepada Sekolah Kluster, SMK Sultanah Hajjah Kalsom dengan penggunaan teknologi pembangunan <i>prototype</i> persiapan model F1.</p> <p>Kumpulan Staf FKP yang terlibat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Dr. Ahmad Razlan Yusoff</li> <li>ii) Ahmad Rosli Abdul Manaf</li> <li>iii) Shahandzir Baharom</li> </ul> <p>Perundingan bermula pada awal tahun 2012 sehinggalah tahun 2014.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Johan dalam pertandingan <i>F1 In Schools</i> Peringkat Zon Timur yang telah diadakan di Bachok, Kelantan pada 20 September 2012.</li> <li>ii) Johan dalam pertandingan <i>F1 In Schools</i> Peringkat Zon Timur yang telah diadakan di Mayang Sari Beach Resort, Terengganu pada 18 hingga 20 Oktober 2013.</li> <li>iii) Tempat ke-7 kereta terpantas daripada 38 pasukan dalam pertandingan <i>F1 In School Technology Challenge World Final 2013 di Austin Texas United States Of America</i> pada 8 hingga 15 November 2013.</li> <li>iv) Naib Johan dalam pertandingan <i>F1 In School Technology Challenge (National Final) 2013</i> di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 24 hingga 27 November 2013.</li> <li>v) Johan dalam pertandingan <i>F1 In Schools</i> Peringkat Zon Timur yang telah diadakan di Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) pada 11 hingga 13 Jun 2014.</li> </ul>



## FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTeK)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) ditubuhkan pada September 2014. FTeK banyak menjalinkan kerjasama dengan institusi luar negara dalam penawaran program teknologi kejuruteraan bagi meningkatkan nilai tambah dan kualiti program yang ditawarkan.

### 6 PROGRAM



Northern Illinois  
University

- Pembuatan
- Elektrikal
- Tenaga & Persekitaran



UNIVERSITY  
OF SOUTHERN  
QUEENSLAND

- Pengurusan  
Infrastruktur



- Farmaseutikal
- Keselamatan &  
Kesihatan Pekerjaan


## STATISTIK PELAJAR

Statistik Pelajar Sepanjang Tahun 2014

PROGRAM	JUMLAH PELAJAR PADA 2014
Elektrikal	109
Pembuatan	109
Tenaga dan Persekitaran	74
Farmaseutikal	49
Pengurusan Infrastruktur	49
Keselamatan & Kesihatan Pekerja	262
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>652</b>

## ALUMNI

Pada tahun 2014, seramai 28 pelajar dari program Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan telah bergraduat dengan 79 peratus daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan atau menyambung pengajian yang lebih tinggi sebaik tamat pengajian.



*Pecahan bidang pekerjaan yang diceburi*

# FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI (FIM)

## KE ARAH MENDAPATKAN AKREDITASI BERTARAF ANTARABANGSA

Sejajar dengan globalisasi ekonomi yang berterusan, termasuklah pendidikan, ianya dilihat sebagai satu keperluan dalam pengurusan Fakulti Pengurusan Industri (FIM) untuk berdaya saing dan dipercayai dalam persekitaran ini. Pada masa ini, terdapat empat buah organisasi yang menjalankan akreditasi terhadap institusi perniagaan dan seumpamanya iaitu AACSB, AMBA, EQUIS dan ABEST21.

ABEST21 ditubuhkan di 20 buah negara dan mempunyai 81 ahli di mana 22 daripadanya telah mendapat akreditasi. Akreditasi ABEST21 bertujuan menjamin kualiti pendidikan dan penyelidikan di institusi-institusi perniagaan dengan memberi tumpuan terhadap pembangunan yang sangat tinggi tahap profesionalisme dan tauliahnya serta terlibat dalam pengurusan organisasi perniagaan, termasuk teknologi pengurusan, pengurusan sistem maklumat, kewangan dan lain-lain.

Bagi memastikan UMP mengalami pembangunan mapan untuk menarik minat para pelajar dan dipercayai oleh majikan serta perniagaan, fakulti mesti mendapat akreditasi. Ini akan membolehkan FIM menyediakan program kelas pertama dengan mewujudkan hubungan dengan Jaringan Pengetahuan Global institusi perniagaan/pengurusan bagi perkongsian pengetahuan dan kemahiran, perkembangan dan aplikasi teknologi dan penambahbaikkan teori dan praktis.

Program ini akan dijalankan selama dua tahun setengah; dari September 2014 sehingga Mac 2017. Dalam tempoh yang dinyatakan, akan terdapat beberapa pelaporan, lawatan dan perbincangan FPI, UMP. Di akhir program ini adalah pengesyoran akreditasi. Langkah pertama telah pun diambil iaitu FIM mendapat keahlian ABEST21.



## PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK DENGAN UNIVERSITI TERKEMUKA DI JERMAN

FPI telah menjalinkan kerjasama dengan dua universiti di Jerman iaitu Osnabrueck University of Applied Sciences dan Reutlingen University of Applied Sciences dalam usaha kerjasama akademik di samping untuk meningkatkan prestasi ahli akademik dan para pelajar.

Mulai semester II 2014/2015, pihak Reutlingen University of Applied Sciences telah menghantar seramai empat orang

pelajar Jerman ke UMP bagi mengikuti pengajian selama 1 dan 2 semester. Di samping itu, menjelang September 2015, fakulti ini akan mula menawarkan program kerjasama akademik UMP-HSR iaitu *Bachelor of Business Engineering with Honours*. Program yang turut dikenali sebagai program dwi-ijazah ini dapat menggalakkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih komprehensif melalui kombinasi kreatif antara perniagaan dan teknologi.



## PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN (PBMSK)

### *PREPARATORY INTENSIVE ENGLISH PROGRAMME (PIE)*

Tahun 2014 adalah tahun kelima program *Preparatory Intensive English* beroperasi. Pada tahun ini, penyertaan peserta adalah seramai 111 orang pelajar antarabangsa yang terdiri daripada para pelajar pelbagai negara termasuklah dari Arab Saudi, Yemen, Myanmar, China dan Pakistan dan peringkat peringkat lepasan ijazah dan sarjana muda. Sebahagian daripada pelajar adalah penerima biasiswa dari Kedutaan Yaman dan Dana Kebajikan untuk Pelajar Cemerlang (BFOS). Para pelajar telah melalui antara satu hingga empat bulan program PIE sebelum mereka mendaftar untuk program pengajian setelah mereka mencapai keperluan UMP bagi kemahiran bahasa Inggeris.



## PROGRAM GIGVAGANZA-ECER

GIGvaganza-ECER adalah program kerjasama antara PBMSK dan pihak ECER bagi membantu para pelajar sekolah rendah dan menengah meningkatkan pengetahuan tatabahasa bahasa Inggeris melalui pembelajaran yang berasaskan tugas (*task-based*) dan permainan (*game-based*). Program ini telah dijalankan sebanyak dua kali untuk murid yang akan menduduki SPM, PTK3 dan UPSR, dan telah disertai oleh kira-kira 500 pelajar dari sekolah-sekolah sekitar Kuantan, Pekan dan Maran. Program ini juga mendapat sokongan kewangan daripada pihak UMP Advanced Education (UAE) dan Persatuan Matahari. Program ini memberikan impak yang besar kepada pelajar dan akan diteruskan ke tahun berikutnya.



PUSAT KECEMERLANGAN  
(CoE)



## PUSAT PENYELIDIKAN & PENGURUSAN SUMBER ALAM (CERRM)

Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (*Centre for Earth Resources Research & Management*) atau nama singkatannya CERRM ditubuhkan pada tahun 2008. CERRM ditubuhkan bagi mewujudkan *one-stop-centre* untuk aktiviti penyelidikan dan perundingan, membina kepakaran (*poll of expertise*) dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam.

### PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

BIL.	TAJUK / NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	(RM)
1	Kajian Kualiti Air di kawasan Pasar Basah Majlis Perbandaran Selayang.	Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak	RM 100,000.00
2	<i>Total Maximum Daily Load For Malacca River &amp; Its Catchment</i>	Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak	RM 365,000.00
3.	<i>Investigation for Feasibility Study of Heavy Metal Removal by CERRM</i>	Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak	RM 26,233.60
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM 491,233.60</b>

**PROJEK : INVESTIGATION FOR FEASIBILITY STUDY OF HEAVY METAL REMOVAL BY CERRM**

Penghasilan semula logam-logam berguna daripada sisa buangan dan pencemaran industri di Malaysia merupakan projek usaha sama yang pertama seumpamanya antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan New Energy and Industrial Technology Development Organization (NEDO) yang menelan belanja sekitar 1.9 juta USD.

Hasil kajian ini telah diserahkan kepada pihak Aquatech Co., Ltd., syarikat Jepun yang telah diamanahkan oleh NEDO untuk menjayakan projek ini. Melalui projek ini juga, syarikat Accot Technologies Sdn Bhd yang terletak di Shah Alam telah dipilih sebagai tapak kajian bagi fasa kedua projek yang bermula April 2015; melibatkan pembinaan sistem penghasilan semula logam-logam berguna daripada sisa buangan dan enapcemar industri. Projek usaha sama ini juga bakal dikukuhkan lagi dengan proses pemetraian memorandum persefahaman antara UMP dan NEDO yang sedang berjalan.



**PENGLIBATAN DENGAN AGENSI LUAR**

**KERJASAMA DENGAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS)**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui inisiatif Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Di Antara (MoU) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) pada 6 Mac 2014. Kolaborasi dua hala antara UMP-JPS ini adalah bagi melaksanakan pelbagai program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi.



*UMP- JPS Meterai Perjanjian Persefahaman dalam Bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi*

**PROJEK: KAJIAN KUALITI AIR DI KAWASAN PASAR BASAH MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (UIC140701)**

Pembangunan yang pesat ini membawa kepada masalah pencemaran alam sekitar yang melibatkan pencemaran air yang berpunca daripada sisa industri dan pertanian, sisa bandar, kumbahan domestik, air limpahan sampah dari kawasan perbandaran, pelupusan sampah, bahan-bahan buangan farmaseutikal dari hospital dan pusat-pusat kesihatan termasuk antibiotik dan bahan-bahan buangan berminyak daripada kenderaan bermotor dan daripada sumber yang lain.

Dalam mendepani masalah pencemaran yang kian menular, Majlis Perbandaran Selayang mengambil langkah proaktif dengan memastikan kebersihan air sungai yang melalui kawasan pasar dapat dikekalkan pada tahap terbaik bagi mengelakkan penularan penyakit dan seterusnya memastikan sisa-sisa buangan dari kawasan pasar tidak dilepaskan ke dalam sungai dan seterusnya menjejaskan kualiti air sungai tersebut. Kajian kualiti air ini meliputi kawasan Pasar Borong Selayang, Pasar Taman Ehsan di Kepong dan juga Pasar Taman Sri Gombak di Gombak.



**PROJEK : TOTAL MAXIMUM DAILY LOAD (TMDL) FOR MALACCA RIVER & ITS CATCHMENT**

Objektif utama projek ini adalah bagi melaksanakan pelan tindakan yang dikenalpasti terhadap Sungai Melaka, menghasilkan pelan pelaksanaan bagi TMDL di Sungai Melaka yang perlu dijalankan oleh pihak berwajib selain membangunkan program latihan TMDL bagi pihak berkuasa di Malaysia. Kajian TMDL ini akan merangkumi Sungai Melaka, Sungai Putat, Sungai Cheng dan Sungai Durian Tunggal serta kawasan tadahannya. Melalui data-data yang diperolehi, satu pemodelan kualiti air akan dibentuk bagi menentukan jumlah maksimum bahan pencemar yang mampu diterima oleh Sungai Melaka namun dalam masa yang sama masih mengekalkan tahap kualiti air di tahap terbaik.



# PUSAT KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (AEC)

## PERANAN UTAMA AEC

- Pusat penyelidikan dan pembangunan berkaitan automotif.
- Pusat penyebaran maklumat dan nasihat teknikal.
- Pusat latihan dan kursus automotif.

## OBJEKTIF AEC

- Menjadi sebuah pusat kecemerlangan automotif dan penyelidikan terunggul;
- Mewujudkan jaringan dan rangkaian kerjasama dengan institusi-institusi lain seperti pusat pengajian tinggi, pusat-pusat penyelidikan dan industri di dalam dan luar negeri; dan
- Melahirkan profesional berintegriti dan berkemahiran tinggi dan kompetitif dalam bidang Automotif di Malaysia

## PENJANAAN PENDAPATAN AEC BAGI TAHUN 2014

AEC telah menjana pendapatan kasar sebanyak RM 346,824.03 bagi sepanjang tahun 2014 hasil daripada penganjuran latihan, seminar dan juga Persidangan Antarabangsa. AEC telah mengambil alih pengurusan operasi Pusat Servis Kenderaan daripada pihak UMP Holdings

berkuat kuasa bulan Jun 2014 dan penjanaan pendapatan Pusat Servis Kenderaan bermula Jun hingga Disember 2014 adalah sebanyak RM 79,038.50.

AKTIVITI	PENDAPATAN
Latihan/Seminar	RM 111,482.88
Pusat Servis	RM 79,038.50
Persidangan Aigev	RM 156,302.65

## GERAN PENYELIDIKAN TAHUN 2014 (AEC)

Sebanyak 22 permohonan geran penyelidikan di bawah AEC telah diluluskan bagi tahun 2014 bernilai RM 1,041,545.00.

JENIS GERAN	BILANGAN GERAN YANG DILULUSKAN	JUMLAH GERAN
Yang Diluluskan		
Geran Penyelidikan UMP	19	526,445.00
Geran FRGS (KPM)	2	240,100.00
Geran <i>Sciencefun</i>	1	275,000.00



### ASIAN JOINT SYMPOSIUM ON MOULD AND DIE

*Asia Joint Symposium* kali kedua telah berlangsung di Hanbat National University, Korea Selatan (HNU) pada 16 hingga 19 September 2014. Simposium ini telah menjadi program tahunan rentetan dari Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara UMP, Dalian University of Technology (DUT), China, Iwate University (IU), Jepun, dan Hanbat National University, Korea pada 25 September 2013.

### AEC ANJUR PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERTAMA BERTEMAKAN TEKNOLOGI HIJAU (AIGEV2014)

Persidangan *International Conference on Automotive Innovation & Green Energy Vehicle (AiGEV2014)* dianjurkan bersama Malaysia Automotive Institute (MAI), Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Persidangan ini diadakan di Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan pada 26 hingga 27 Ogos 2014.

AiGEV 2014 diadakan bagi mempromosikan penyelidikan kejuruteraan automotif di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Persidangan ini memberi peluang kepada para penyelidik dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT), organisasi penyelidikan dan pembangunan berkaitan untuk membenteng dan menerbitkan hasil penyelidikan mereka. Tema utama persidangan ini ialah *Green Engineering & Technology for Global Sustainable Development*. Persidangan ini telah berjaya menarik minat seramai 200 peserta dari dalam dan luar negara serta pihak industri yang turut sama membenteng kertas kerja penyelidikan.



## PUSAT PENYELIDIKAN ALIRAN BENDALIR TERMAJU (CARIFF)

Pusat Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF) ditubuhkan pada Disember 2011, merupakan pusat kecemerlangan dalam bidang aliran bendalir yang pertama ditubuhkan di UMP dan di Malaysia serta salah satunya di UMP.

Dengan visi untuk menjadi pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam kajian dinamik bendalir dan teknologi hijau, CARIFF memberi tumpuan kepada membangunkan pendekatan dan teknologi baharu bagi konsep dinamik dan aliran bendalir dalam aplikasi industri teknologi baharu bagi meningkatkan prestasi sistem aliran bendalir ke arah yang lebih baharu, bersih dan mesra alam.

CARIFF juga turut dibantu oleh 20 orang felo penyelidik yang terdiri felo penyelidik dalaman dan luaran dalam usaha menjadi tempat rujukan setempat bagi aktiviti penyelidikan, perundingan dan khidmat teknikal dalam bidang aliran bendalir termaju terutama di Zon Timur Semenanjung Malaysia.

### KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

CARIFF mempunyai tujuh buah makmal seperti berikut:

- *Bioenergy Laboratory*
- *Mixing & Product Formulation Laboratory*
- *High Performance Computing Laboratory*
- *Drag Reduction Laboratory*
- *Rheology Laboratory*
- *Micro Laboratory*
- *Corrosion Laboratory*

### PENJANAAN PENDAPATAN

Secara umumnya, pendapatan CARIFF adalah bersumberkan geran-geran penyelidikan serta projek perundingan dan perkhidmatan teknikal. Berikut adalah jenis berserta bilangan geran yang diperoleh CARIFF sepanjang tahun 2014.

Nilai geran penyelidikan CARIFF bagi tahun 2014

2014		
JENIS GERAN	BILANGAN GERAN	NILAI (RM)
UMP RDU	13	391,164.00
Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)	2	226,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>617,164.00</b>



## PUSAT PENYELIDIKAN BIO AROMATIK

Pusat Penyelidikan Kecemerlangan Bio Aromatik, UMP telah ditubuhkan pada 22 Ogos 2014. Pusat ini menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan yang berteraskan teknologi biosintetik bahan semula jadi aroma bernilai tinggi yang merangkumi analisa *molecular*, fermentasi dan analisa kimia.

Selain itu, pusat ini juga terlibat dalam aktiviti pembangunan latihan, perkongsian teknologi serta perundingan dalam bidang berkaitan bio aromatik.



## PUSAT PENYELIDIKAN IBM



### PROGRAM MSC MALAYSIA MYPROCERT

Program *MSC Malaysia MyProCert* adalah program kerjasama di antara Pusat Kecemerlangan IBM bersama Multimedia Development Corporation Sdn.Bhd. (MDeC). Program ini telah dijalankan pada 14 November 2014 bertempat di Auditorium Perpustakaan, UMP Kampus Pekan. Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan Sijil Profesional yang dijalankan di bawah MDeC. Antara industri yang hadir bagi memberi penerangan dan perkongsian maklumat ini adalah daripada Huawei Technologies dan Oracle Corporation. Sebanyak sembilan buah industri, 12 buah IPT sekitar Kuantan dan beberapa pelajar telah dipilih untuk berkongsi maklumat melalui program ini.



### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DAN MOTOROLA SOLUTION MALAYSIA SDN BHD

Pada 1 Oktober 2014, Pusat Penyelidikan IBM telah mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian bersama Motorola Solution Malaysia Sdn. Bhd. Perjanjian ini adalah satu kerjasama bagi membuka ruang kepada pensyarah dan pelajar berkenaan *Mobile Computing* dalam mereka bentuk penyelesaian mudah alih. Seramai 50 orang pelajar akan dilatih daripada aspek latihan bagi aplikasi mudah alih dan dibekalkan dengan *RhoElements Software*.



### PROGRAM ANDROID APPLICATION DEVELOPMENT WORKSHOP WITH IBM WORKLIGHT

Program ini adalah satu usaha Pusat Penyelidikan IBM untuk menawarkan latihan dalam bidang ICT kepada pelajar. Program ini telah diadakan pada 25 dan 26 Ogos 2014 bertempat di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membangunkan aplikasi *Android* menggunakan perisian *IBM Worklight*. *IBM Worklight* adalah alat untuk membina platform, menjalankan dan menguruskan HTML dalam aplikasi mudah alih. Seramai 60 orang pelajar telah dilatih bagi program ini.

## PUSAT KAJIAN NADIR BUMI (RERC)

Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC) telah dilantik secara rasmi sebagai salah sebuah CoE di UMP pada 22 Ogos 2014. Pusat ini ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan yang berteraskan nadir bumi yang merangkumi perlombongan, pemprosesan dan pengaplikasian nadir bumi dalam kehidupan seharian. Di samping itu juga, RERC turut terlibat dalam pemantauan (*environmental monitoring*) dan kitar semula bahan nadir bumi.

Sepanjang tahun 2014, RERC telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM 1,081,000.00 melalui khidmat latihan, pengujian dan konsultasi, geran penyelidikan dan *in-kind equipment*.

### KOLABORASI RERC BERSAMA AGENSI LUAR

Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO), Australia

Korea Institute of Rare Metals (KIRAM), South Korea

Lembaga Perlesenan Atom Malaysia (AELB)

Agensi Nuklear Malaysia

Petronas Ionic Liquid Center (PILC), Universiti Teknologi Petronas

Lynas Corp. Sdn. Bhd.

Terra Sepadu Sdn. Bhd.



Sesi menandatangani MoA bersama Lynas Corp bagi menyerahkan AMS monitoring system berharga RM 800,000 kepada RERC, UMP.

PUSAT KECEMERLANGAN  
INDUSTRI (I-CoE)





## PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI (ICoE)

- Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara universiti dengan industri bagi merealisasikan matlamat kewujudan mereka.
- Jaringan kerjasama ini akan membantu dalam pembangunan modal insan yang relevan dengan keperluan dan keadaan semasa di samping meningkatkan usahasama dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.
- Setiap ICoE akan diketuai oleh syarikat peneraju yang menyediakan unjuran sumber manusia (eksekutif dan bukan eksekutif). Ini termasuklah kemahiran dan kriteria yang dikenal pasti bagi menyokong keperluan ekosistem industri terbabit.
- Sebaliknya, universiti pula berperanan dalam menyediakan pakar dan kemudahan latihan serta menyiapkan pelajar-pelajar UMP serta pelajar dari instituti pengajian tinggi yang lain.

Berikut lima kluster ICoE yang terdapat di UMP beserta dengan jumlah pendapatan seperti berikut:

<b>RM 2,697,683</b>	<b>RM 4,900,000</b>	<b>RM 10,143,000</b>
<b>Kluster Automotif</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Miyazu Malaysia Sdn. Bhd.</li> <li>• Sapura Industrial Berhad</li> </ul>	<b>Kluster Elektrik dan Elektronik</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keysight Technologies</li> </ul>	<b>Kluster Bioteknologi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Biocon Sdn. Bhd.</li> <li>• CJ Bio Malaysia</li> <li>• Malaysian Bio-XCell</li> </ul>
<b>RM 1,332,474</b>	<b>RM 1,754,424</b>	
<b>Kluster ICT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat IBM Malaysia</li> <li>• Basecamp VFX Sdn. Bhd.</li> <li>• Motorola Solutions</li> </ul>	<b>Kluster Pembinaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Construction Industry Development Board (CIDB)</li> <li>• Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB)</li> <li>• Sunway Construction Sdn. Bhd.</li> <li>• Hanson Heidelberg Cement Group</li> <li>• WCT Berhad</li> </ul>	



Majlis Pelancaran Pusat Bioteknologi Industri pada 15 Mac 2013 oleh YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.


UMP mendapat kepercayaan daripada KPM apabila mempunyai lebih ICoE berbanding dengan IPTA lain, membuktikan UMP mempunyai kredibiliti dalam tadbir urus.



**Agilent Technologies**

## ICoE AUTOMOTIF


Penglibatan ICoE automotif (*Automotive Engineering* dan *Mould & Die*) terdiri daripada UMP sebagai universiti peneraju, Miyazu (M) Sdn. Bhd. dan Sapura Industrial Berhad pula sebagai syarikat tunggal, agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan sektor teknik dan vokasional.




Peruntukan dan nilai usaha sama industri-industri dan agensi-agensi bagi pembangunan modal insan

### KERJASAMA ICoE DENGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) UNTUK PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program-program pembangunan modal insan *die & mould* telah dijalankan sepanjang 2014 yang melibatkan pelajar-pelajar Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di peringkat diploma dan ijazah. Institusi-institusi yang turut sama menjalankan program-program pembangunan modal insan UMP adalah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Universiti TATI (TATIUC), Universiti Teknologi MARA (UiTM), politeknik-politeknik dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Pelajar dan staf telah dilatih di bawah program latihan berstruktur (*Junior engineer program*), latihan industri dan kursus-kursus pendek (*graduate short course*).



*Penglibatan UA dalam program ICoE kluster automotif*



*Program dan bilangan modal insan yang telah dilatih*

## ICoE BIOTEKNOLOGI

**2,229**  
BILANGAN  
PELAJAR DILATIH  
SEPANJANG 2014

Melalui penubuhan ICoE Bioteknologi yang dilancarkan pada Mac 2013, ICoE Bioteknologi telah mengorak langkah dengan menjalankan latihan berbentuk *soft skills* dan *technical skills* yang diperlukan oleh industri kepada para pelajar di IPTA/S seluruh Malaysia sepanjang 2014.

ICoE Bioteknologi juga telah menjalinkan kerjasama pintar bersama industri terpilih bagi mengetengahkan “*INDUSTRY SMART GRADUATE*”, satu *signature* yang digunakan dan diberikan kepada graduan yang telah dilatih di bawah ICoE Bioteknologi.

**388**  
PELAJAR TAHUN  
AKHIR (GRADUAN  
2014)

Seramai 2,229 pelajar telah dilatih di bawah ICoE Bioteknologi dan 388 daripadanya merupakan pelajar tahun akhir graduan 2014. Peratusan GE juga amat memberansangkan apabila berjaya memperoleh sebanyak 70.4 peratus melebihi sasaran asal iaitu 70 peratus merangkumi seluruh Malaysia.

Antara program yang dilaksanakan adalah *Bio 101*, *Bio 1*, *Bio 201*, *Bio 301*, *Biotechnology Executive Special Training (BeST)*, *Sirim Soft Skills Program (SSP)* dan *IBD Technical Program*.

**70.4 %**  
GRADUATE  
EMPLOYABILITY  
(GE) BAGI  
GRADUAN SIRI  
2014



## KERJASAMA BERSAMA INDUSTRI



### JOHOR BIO TALENT DEVELOPMENT PROGRAM

Sesuai dengan aspirasi penubuhan ICoE Bioteknologi iaitu meningkatkan *Graduate Employability* (GE) dan *Knowledge Transfer & Technology Sharing* (KTTS) di peringkat nasional, ICoE Bioteknologi telah mengambil pendekatan menjalinkan hubungan kerjasama dengan Perbadanan Johor Bioteknologi dan Biodiversiti (J-Biotech) dan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) melalui penubuhan *Johor Bio Talent Development Program* (*Johor Bio Talent*) pada 25 Ogos 2014 yang telah disaksikan oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

### PROGRAM BIO101

Merupakan sebuah program asas untuk memberi pendedahan awal tentang dunia Bioteknologi yang kini sedang membangun di peringkat global dan nasional secara khususnya. Program ini disediakan bagi pelajar Tahun 1 sebagai langkah awal memperkenalkan mereka kepada perkembangan terkini dunia Bioteknologi dan peluang pekerjaan yang terlahir dari kemajuan bidang Bioteknologi sama ada di peringkat nasional mahupun global.

### PROGRAM BIOTECHNOLOGY EXECUTIVE SPECIAL TRAINING (BEST)

Merupakan sebuah *added value* program yang direka khas bagi pelajar tahun akhir yang bakal memasuki alam pekerjaan sebagai langkah terakhir menyiapkan mereka. Program ini melibatkan *soft skills* seperti modul *Communication & Presentation*, *Mock Interview & Grooming class*. Program ini adalah bertujuan membantu para pelajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mereka yang mana sekaligus dapat membantu meningkatkan keyakinan diri mereka untuk mendapatkan tempat di dunia pekerjaan.

## ICoE CIDB



ICoE CIDB telahpun melatih pelajar dan tenaga pengajar sepanjang 2012 hingga 2014. ICoE bekerja sama dengan lebih dari 25 industri pembinaan dan berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan oleh KPM. Pihak KPM mensasarkan 3,010 pelajar dan 158 tenaga pengajar dari agensi pengajian tinggi dilatih dalam tahun 2014. Latihan melibatkan pensijilan profesional, latihan kecekapan dan juga kemahiran.



Pada tahun 2014 juga, CIDB dengan usaha sama Trinum Steel Structure Sdn. Bhd. telah melahirkan graduan berkompentensi tinggi dan berdaya saing. Pelajar dilatih di bawah *seliaan Lead Structural Engineer Makkah Royal Clock Tower* merangumi proses pemindahan ilmu dan juga latihan intensif selama 14 minggu melibatkan pengurusan kitaran projek pembinaan. Program pertama memperlihatkan 20 pelajar ditawarkan perkerjaan sebelum bergraduati dengan gaji pendahuluan yang lebih tinggi.

Latihan juga dijalankan bagi memenuhi peluang pekerjaan pembinaan dalam industri minyak dan gas. Lebih dari 100 pelajar dilatih mengikuti kursus-kursus bersama industri minyak dan gas. ICoE berjaya menjana pendapatan sebanyak RM 83,000 dalam bidang ini berupa sumbangan, khidmat teknikal dan latihan.

INDUSTRY	SUMBANGAN (RM)
Azi Engineering Sdn. Bhd.	25, 000
Juta Emas Holding	18, 000
TSTC	40, 000




Sepanjang 2014, ICoE telah pun dilantik dan diiktiraf di peringkat nasional sebagai *steering committee*, *advisory panel* dan juga *trainer* dalam *construction industry master plan (CIMP II)* dan *Building Information Modelling (BIM)*. Sehubungan itu, ICoE telah pun membangunkan Makmal Latihan BIM peringkat nasional di UMP bernilai RM 300,000.00. ICoE mensasarkan makmal ini dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan melalui latihan BIM dan juga penjana pendapatan selaras dengan agenda nasional.



## ICoE ICT

### PROGRAM LATIHAN NILAI TAMBAH KEMAHIRAN ICT

Pada tahun 2014, seramai 433 orang pelajar UMP telah mengikuti latihan yang memberi nilai tambah kepada kemahiran teknikal yang di perlukan oleh industri melalui program I-CoE. Program latihan yang dijalankan adalah melalui kursus elektif yang di tawarkan di fakulti, kursus jangka pendek dan kursus jangka masa panjang.





## I-COE UMP-KEYSIGHT TECHNOLOGIES

Makmal I-CoE UMP-Keysight hasil kerjasama UMP dengan Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd. telah dirasmikan pada 17 Disember 2014 di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Pekan. Ia merupakan makmal yang termaju dalam bidang *Radio Frequency (RF)* dan *Wireless Communication* di Pantai Timur.

Makmal tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri oleh Timbalan Presiden Keysight

Technologies Malaysia Sdn. Bhd, Anuar Au, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali dan Pengarah I-CoE UMP-Keysight, Dr. Fahmi Samsuri.

Kewujudan makmal ini mampu menerajui penyelidikan termaju berkaitan inovasi dan teknologi komunikasi tanpa wayar, modular, semikonduktor dan solusi perisian.



# MAKMAL BERPUSAT

## PENGENALAN

UMP telah bersetuju meluluskan Makmal Berpusat dinaik taraf sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) mulai 1 Januari 2012 selaras dengan peranan Makmal Berpusat yang semakin berkembang.


## PENJANAAN PENDAPATAN

Pendapatan yang disasarkan kepada Makmal Berpusat bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM350,00.00. Dengan penambahan sasaran ini, Makmal Berpusat telah membuktikan pencapaian yang memberangsangkan dengan pencapaian 130 peratus lebih daripada nilai yang disasarkan.

Keseluruhan Sasaran dan Pencapaian bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut;

*Pendapatan Makmal Berpusat dari tahun 2010 hingga 2014*

BIL.	TAHUN	SASARAN (RM)	PENDAPATAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
1	2010	-	30,875.00	-
2	2011	50,000.00	73,875.29	148
3	2012	200,000.00	226,929.17	113
4	2013	250,000.00	341,786.00	137
5	2014	350,000.00	456,416.00	130
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>1,129,881.46</b>	



## PENGANJURAN PROGRAM/SEMINAR/BENGGKEL

Makmal Berpusat telah melaksanakan sembilan program pada tahun 2014 sebagai satu platform untuk memberikan input berkaitan Sains dan Teknologi terkini kepada pelajar, penyelidik juga masyarakat umum. Program yang dilaksanakan melibatkan sesi pengajaran *hands-on* juga program kesedaran.

1.	Seminar <i>Supercritical Fluid Extraction System</i> anjuran bersama Ornet Sdn. Bhd pada 25 Mac 2014.
2.	<i>Workshop on The Isolation And Identification of Microorganism</i> anjuran bersama Focus Biotech Sdn. Bhd. pada 15 hingga 16 April 2014.
3.	Agilent 7200 QTOF GC/ MS Workshop, 20 hingga 22 May 2014
4.	Seminar on XRD & AFM anjuran bersama BRUKER & UKM MTDC pada 4 Jun 2014.
5.	IKM/Standards Malaysia Seminar on Malaysian Standards (MS) & Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) anjuran bersama Institut Kimia Malaysia & Standard Malaysia pada 10 Jun 2014.
6.	Seminar Kesedaran Berkaitan Isu Halal dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Halal Development Center, 14 Oktober 2014.
7.	<i>Talk on A Glimpse Into Nanotechnology: Implementing Imaging Solutions</i> anjuran bersama Progene Link Sdn. Bhd. 17 Oktober 2014.
8.	Latihan Amali XRF dan ICPMS bagi staf Jabatan Alam Sekitar seluruh Malaysia pada 29 Oktober 2014.
9.	Latihan Amali NMR bagi pelajar-pelajar UiTM Jengka pada 1 Disember 2014



Latihan Amali NMR bagi pelajar-pelajar UiTM Jengka



Latihan Amali XRF dan ICPMS bagi staf Jabatan Alam Sekitar seluruh Malaysia



Seminar Kesedaran Berkaitan Isu Halal dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Halal Development Center pada 14 Oktober 2014

# PEMBANGUNAN KAMPUS



# PEMBANGUNAN UMP PEKAN

Pembangunan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Dewan Kuliah Utama telah bermula pada 6 Julai 2012 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2015. Projek berkenaan telah menelan kos sebanyak RM70 juta. Projek ini melibatkan pembinaan tiga blok bangunan. Keluasan lantai adalah 16,348 meter persegi.



*Dewan Kuliah Utama*



*Pandangan hadapan bangunan*



*Pembangunan Projek & Ilustrasi Bangunan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi*

Pembinaan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) telah bermula pada 6 Julai 2012. Projek berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2015. Projek ini menelan kos sebanyak RM53 juta. Kompleks itu melibatkan keluasan lantai 10,520 meter persegi dan bakal menempatkan beberapa jabatan seperti Jabatan Canseleri, Jabatan Hal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari.



*Blok Canseleri*



*Pandangan keseluruhan belakang*



*Blok Jabatan Bendahari*



*Blok Jabatan Pendaftar*



*Pembangunan Projek & Ilustrasi bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU)*


LAPORAN PENYATA  
KEWANGAN 2014



# PRESTASI KEWANGAN 2014



Bagi tahun 2014, pada keseluruhannya Universiti telah membelanjakan sebanyak RM320.72 juta iaitu peningkatan sebanyak 16.23% (RM44.79 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2013 sebanyak RM275.93 juta. Hasil Universiti bagi tahun 2014 ialah sebanyak RM369.87 juta iaitu meningkat sebanyak 11.91% (RM39.36 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2013 (RM330.51 juta).

CARTA 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2010-2014



Perbelanjaan Universiti telah dibiayai oleh pemberian dari Kerajaan berjumlah RM297.76 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM268.21 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM20.74 juta dan Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM8.81 juta.

CARTA 2 : Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2014 dan 2013





Sebanyak RM321.11 juta telah dibelanjakan pada tahun 2014 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM273.60 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM12.33 juta, belanja pembangunan berjumlah RM20.74 juta dan belanja anak syarikat berjumlah RM14.44 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi emolumen iaitu RM110.38 juta atau 34.38%. Jumlah ini telah mencatatkan penambahan sebanyak RM10.95 juta atau 11.00% dibandingkan dengan jumlah emolumen pada tahun 2013.




Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM91.09 juta atau 28.37% meningkat sebanyak RM23.90 juta atau 35.57% daripada RM67.19 juta pada tahun 2013.

CARTA 3 : Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2014 dan 2013.



### KUMPULAN WANG PENGURUSAN



Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi Universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan Universiti melalui hasil yuran pelajar serta hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2014 bertambah sebanyak 14.09% (RM35.93 juta), daripada RM254.93 juta pada tahun 2013 kepada RM290.86 juta pada tahun 2014.



CARTA 4: Perbandingan Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan wang Pengurusan tahun 2010 – 2014


Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM268.21 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh Kerajaan bagi tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 14.30% (RM33.56 juta) berbanding pada tahun 2013 sebanyak RM234.65 juta. Hasil dari pelajar meningkat daripada RM18.55 juta pada tahun 2013 kepada RM19.54 juta pada tahun 2014, peningkatan sebanyak 5.34% (RM0.99 juta).

CARTA 5 : Sumber pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan tahun 2014 dan 2013




Manakala perbelanjaan pengurusan Universiti bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM273.60 juta iaitu peningkatan sebanyak 17.91% (RM41.56 juta) daripada RM232.04 juta pada tahun 2013. Daripada jumlah ini sebanyak RM108.65 juta atau 39.71% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM44.19 juta atau 16.15% daripada jumlah keseluruhan, peningkatan sebanyak RM0.91 juta berbanding pada tahun 2013.

CARTA 6 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 dan 2013




- Emolumen
- Perbelanjaan Perjalanan & Sarahidup
- Perhubungan & Utiliti
- Sewaan
- Bekalan & Bahan Mentah
- Penyelenggaraan
- Perkhidmatan
- Lain-lain perbelanjaan




### KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan Universiti Malaysia Pahang adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2014, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi adalah sebanyak RM125.50 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2014 adalah sebanyak RM20.74 juta.

CARTA 7 : Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulanwang Pembangunan Tahun 2010 - 2014





CARTA 8 : Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan Tahun 2010 - 2014



### KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peratusan perbelanjaan telah menunjukkan peningkatan dari RM10.71 juta dalam tahun 2013 kepada RM12.33 juta dalam tahun 2014. Terdapat peningkatan kepada pendapatan iaitu daripada RM11.74 juta dalam tahun 2013 kepada RM8.81 juta dalam tahun 2014.

CARTA 9 : Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan wang Penyelidikan Tahun 2010 - 2014



### KUMPULAN WANG PENDAPATAN

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM15.51 juta. Hasil faedah dan dividen menunjukkan 53.00% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pendapatan iaitu sebanyak RM8.22 juta. Ianya meningkat 15.45% atau RM1.10 juta berbanding tahun lalu. Baki hasil dari Kumpulan Wang Pendapatan adalah dari pendapatan sewa dan lain-lain pendapatan berjumlah RM7.29 juta.

### KUMPULAN WANG PINJAMAN

Bilangan staf yang mendapat pinjaman kenderaan pada tahun 2014 telah meningkat kepada 16 orang staf berbanding 11 orang staf pada tahun 2013. Manakala bagi pinjaman komputer juga telah meningkat kepada 16 orang staf bagi tahun 2014 berbanding 7 orang staf pada tahun 2013. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah digunakan sehingga tahun 2014 adalah sebanyak RM2.80 juta bagi pinjaman kenderaan dan RM0.29 juta bagi pinjaman komputer.



CARTA 10 : Bilangan staf yang mendapat pinjaman komputer dan kenderaan sehingga 2014

BUTIRAN	NILAI TABUNG	JUMLAH PINJAMAN	BILANGAN STAF YANG MENDAPAT PINJAMAN		BAKI TABUNG
			2013	2014	
Pinjaman Kenderaan	RM6.0 juta	RM2.80 juta	11	16	RM3.20 juta
Pinjaman Komputer	RM0.5 juta	RM0.29 juta	7	16	RM0.21 juta
	RM6.5 juta	RM3.09 juta	18	32	RM3.41 juta

### PEROLEHAN HARTA MODAL

Pada tahun 2014 jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM29.11 juta meningkat sebanyak 15.52% (RM3.91 juta) berbanding pada tahun 2013 sebanyak RM25.20 juta. Perolehan komputer & perisian merupakan perolehan yang terbesar daripada jumlah keseluruhan perolehan harta modal bagi tahun 2014.

CARTA 11 : Pecahan perolehan harta modal tahun 2014 dan 2013.





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



**(DATIN PADUKA ONG SWEE LENG)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
11 MEI 2015



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG


PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATO' MOHD. HILMEY B. MOHD. TAIB dan PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM, merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



DATO' MOHD. HILMEY B. MOHD. TAIB  
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
Naib Canselor/Ahli Lembaga Pengarah

UMP, KUANTAN

Tarikh: 08 MAY 2015



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, ZAINUDIN BIN OTHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ikhlasnya mengakui Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenar dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas, )  
ZAINUDIN BIN OTHMAN, )  
di Kuantan pada 06 MAY 2015 )

  
ZAINUDIN BIN OTHMAN  
No. K/P 660507-04-5253

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

203, Tingkat 2, Blok A, Kuantan Centre Point  
25000 Kuantan, Pahang



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2014 RM	2013 RM Dinyatakan semula	2014 RM	2013 RM Dinyatakan semula
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>4</b>	850,903,395	873,166,762	623,761,183	643,466,481
<b>PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN</b>	<b>5</b>	152,061,803	62,724,180	120,435,712	62,362,355
<b>PELABURAN TAKSIARHARGA</b>	<b>6</b>	73,000	70,500	-	-
<b>PELABURAN ANAK SYARIKAT</b>	<b>7</b>	-	-	3,500,002	2,000,002
<b>SEWAAN PAJAK</b>		-	7,540,000	-	7,540,000
		<b>1,003,038,198</b>	<b>943,501,442</b>	<b>747,696,897</b>	<b>715,368,838</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori		-	14,900	-	-
Penghutang	<b>8</b>	3,272,122	2,984,349	3,272,122	2,984,349
Pelbagai Penghutang	<b>9</b>	49,063,159	45,737,787	66,632,418	66,129,810
Penghutang Pinjaman	<b>10</b>	1,943,338	1,946,836	1,943,338	1,946,836
Simpanan Jangka Pendek	<b>11</b>	323,600,000	223,550,000	323,600,000	223,550,000
Wang di tangan dan di bank	<b>12</b>	17,274,775	15,828,396	5,910,127	4,214,580
		<b>395,153,394</b>	<b>290,062,268</b>	<b>401,358,005</b>	<b>298,825,575</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pinjaman	<b>14</b>	8,426,156	8,424,814	-	-
Cukai Belum Bayar		394,912	234,318	-	-
Pemiutang	<b>13</b>	38,544,369	81,514,925	28,954,619	70,760,127
		<b>47,365,437</b>	<b>90,174,057</b>	<b>28,954,619</b>	<b>70,760,127</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		347,787,957	199,888,211	372,403,386	228,065,448
		<b>1,350,826,155</b>	<b>1,143,389,653</b>	<b>1,120,100,283</b>	<b>943,434,286</b>
<b>DIBIYAI OLEH :</b>					
KUMPULANWANG MENGURUS	<b>15</b>	181,580,870	184,792,482	181,580,870	184,792,482
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	<b>16</b>	806,939,881	703,174,611	806,939,881	703,174,611
KUMPULANWANG PENYELIDIKAN	<b>17</b>	33,222,569	29,649,170	33,222,569	29,649,170
KUMPULANWANG AMANAH	<b>18</b>	36,296,994	64,557	36,296,994	64,557
KUMPULANWANG PENDAPATAN	<b>19</b>	46,870,840	16,443,053	50,370,842	18,443,055
KUMPULANWANG PINJAMAN	<b>20</b>	6,802,570	4,625,685	6,802,570	4,625,685
ENDOWMEN	<b>21</b>	2,000,000	-	2,000,000	-
KEUNTUNGAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT		62,557,034	45,855,587	-	-
		<b>1,176,270,758</b>	<b>984,605,145</b>	<b>1,117,213,726</b>	<b>940,749,560</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman	<b>14</b>	171,668,840	156,099,782	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	<b>22</b>	2,886,557	2,684,726	2,886,557	2,684,726
		<b>1,350,826,155</b>	<b>1,143,389,653</b>	<b>1,120,100,283</b>	<b>943,434,286</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2014 RM	2013 RM Dinyatakan semula	2014 RM	2013 RM Dinyatakan semula
<b>PENDAPATAN</b>					
Pemberian kerajaan	23	297,757,719	266,404,941	297,757,719	266,404,941
Yuran pengajian		13,218,808	12,249,368	13,218,808	12,249,368
Yuran pelbagai	24	7,429,385	7,217,725	7,429,385	7,217,725
Pendapatan lain	25	51,459,631	44,638,621	21,819,553	16,829,878
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>369,865,543</b>	<b>330,510,655</b>	<b>340,225,465</b>	<b>302,701,912</b>
<b>Tolak : PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		110,384,965	99,439,169	108,651,790	97,871,238
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		7,326,083	7,014,480	7,326,083	7,014,480
Pengangkutan barang-barang		-	-	-	-
Perhubungan dan utiliti		14,588,764	12,753,770	14,588,764	12,753,770
Sewaan		44,288,704	44,183,488	44,288,704	44,183,488
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan		4,932,207	3,820,910	4,932,207	3,820,910
Bekalan dan bahan-bahan lain		11,612,179	14,049,594	11,612,179	14,049,594
Penyelenggaraan / pembaikan kecil yang dibeli		25,504,122	8,099,187	25,504,122	8,099,187
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		27,130,515	21,452,673	26,856,445	21,393,340
Susut nilai	4	51,217,231	41,866,883	47,972,090	38,915,793
Lain-lain perbelanjaan		23,734,988	23,249,083	14,939,562	14,671,364
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>320,719,758</b>	<b>275,929,237</b>	<b>306,671,946</b>	<b>262,773,164</b>
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		49,145,785	54,581,418	33,553,519	39,928,748
Cukai		390,819	287,225	-	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		48,754,966	54,294,193	33,553,519	39,928,748

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**KUMPULAN**

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Pinjaman	Endowmen	Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat	Jumlah
Baki pada 1 Januari 2013	164,818,941	683,495,833	20,871,547	64,557	12,468,125	4,500,000	-	31,490,142	917,709,145
Geran Kerajaan	234,645,241	39,380,000	11,742,112	-	-	-	-	-	285,767,353
Pendapatan Lain	20,286,111	49,171	6,963,627	-	8,988,062	-	-	27,808,743	64,105,714
	419,750,293	722,925,004	39,577,286	64,557	21,466,187	4,500,000	-	59,298,885	1,267,582,212
<b>Tolak:</b>									
Perbelanjaan	(232,044,036)	(20,017,588)	(10,711,541)	-	-	-	-	(13,443,298)	(276,216,463)
Pindahan ke Kumpulanwang	-	-	-	-	(4,925,685)	-	-	-	(4,925,685)
Pindahan dari Kumpulanwang	-	-	4,800,000	-	-	125,685	-	-	4,925,685
Pindahan ke Akaun Hasil	(432,350)	-	(4,148,232)	-	(97,449)	-	-	-	(4,678,031)
Pelarasan tahun terdahulu	(2,481,425)	267,195	131,657	-	-	-	-	-	(2,082,573)
Baki pada 31 Disember 2013	184,792,482	703,174,611	29,649,170	64,557	16,443,053	4,625,685	-	45,855,567	984,605,145
<b>Baki pada 1 Januari 2014</b>	184,792,482	703,174,611	29,649,170	64,557	16,443,053	4,625,685	-	45,855,567	984,605,145
Geran Kerajaan	268,207,578	125,503,957	8,807,891	-	-	-	-	-	402,519,426
Pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	1,500,000	1,500,000
Pendapatan Lain	22,655,245	11,128	4,288,699	-	15,512,672	-	-	29,640,078	72,107,822
Pindahan baki daripada Akaun Pemiutang	-	-	-	36,296,994	-	-	-	-	36,296,994
	475,655,305	828,689,696	42,745,760	36,361,551	31,965,725	4,625,685	-	76,995,665	1,497,029,387
<b>Tolak:</b>									
Perbelanjaan	(273,602,745)	(20,742,249)	(12,326,952)	-	-	-	-	(14,438,631)	(321,110,577)
Pindahan ke Kumpulanwang	(23,620,000)	-	-	-	(5,176,885)	-	-	-	(28,796,885)
Pindahan dari Kumpulanwang	-	-	3,020,000	-	23,600,000	2,176,885	2,000,000	-	30,796,885
Pindahan ke Akaun Kawalan	-	(1,032,316)	-	(64,557)	(2,000,000)	-	-	-	(3,096,873)
Pindahan ke Anak Syarikat	-	-	-	-	(1,500,000)	-	-	-	(1,500,000)
Pelarasan tahun terdahulu	3,148,310	24,750	(216,239)	-	(8,000)	-	-	-	2,948,821
Baki pada 31 Disember 2014	181,580,870	806,939,881	33,222,569	36,296,994	46,870,840	6,802,570	2,000,000	62,557,034	1,176,270,758

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**UNIVERSITI**

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Pinjaman	Endowmen	Jumlah
Baki pada 1 Januari 2013	164,818,941	663,495,833	20,871,547	64,557	14,468,127	4,500,000	-	888,219,005
Geran Kerajaan	234,645,241	39,380,000	11,742,112	-	-	-	-	285,767,353
Pendapatan Lain	20,286,111	49,171	6,963,627	-	8,998,062	-	-	36,296,971
	419,750,293	722,925,004	39,577,286	64,557	23,466,189	4,500,000	-	1,210,283,329
<i>Tolak:</i>								
Perbelanjaan	(232,044,036)	(20,017,588)	(10,711,541)	-	-	-	-	(262,773,165)
Pindahan ke Kumpulanwang	-	-	-	-	(4,925,685)	-	-	(4,925,685)
Pindahan dari Kumpulanwang	-	-	4,800,000	-	-	125,685	-	4,925,685
Pindahan ke Akaun Hasil	(432,350)	-	(4,148,232)	-	(97,449)	-	-	(4,678,031)
Pelarasan tahun terdahulu	(2,481,425)	267,195	131,657	-	-	-	-	(2,082,573)
Baki pada 31 Disember 2013	184,792,482	703,174,611	29,649,170	64,557	18,443,055	4,625,685	-	940,749,560
Baki pada 1 Januari 2014	184,792,482	703,174,611	29,649,170	64,557	18,443,055	4,625,685	-	940,749,560
Geran Kerajaan	268,207,578	125,503,957	8,807,891	-	-	-	-	402,519,426
Pendapatan Lain	22,655,245	11,128	4,288,699	-	15,512,672	-	-	42,467,744
Pindahan baki daripada Akaun Pemutang	-	-	-	36,296,994	-	-	-	36,296,994
	475,655,305	828,689,696	42,745,760	36,361,551	33,955,727	4,625,685	-	1,422,033,724
<i>Tolak:</i>								
Perbelanjaan	(273,602,745)	(20,742,249)	(12,326,952)	-	-	-	-	(306,671,946)
Pindahan ke Kumpulanwang	(23,620,000)	-	-	-	(5,176,885)	-	-	(28,796,885)
Pindahan dari Kumpulanwang	-	-	3,020,000	-	23,600,000	2,176,885	2,000,000	30,796,885
Pindahan ke Akaun Kawalan	-	(1,032,316)	-	(64,557)	(2,000,000)	-	-	(3,096,873)
Pelarasan tahun terdahulu	3,148,310	24,750	(216,239)	-	(8,000)	-	-	2,948,821
Baki pada 31 Disember 2014	181,580,870	806,939,881	33,222,569	36,296,994	50,370,842	6,802,570	2,000,000	1,117,213,726

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Tunai diterima dari kerajaan	402,519,426	285,767,353	402,519,426	285,767,353
Tunai diterima dari pelanggan	68,666,099	54,863,647	41,731,622	26,688,163
Tunai dibayar kepada pembekal dan staf	(274,352,536)	(257,296,827)	(262,154,592)	(248,363,951)
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>196,832,989</b>	<b>83,334,173</b>	<b>182,096,456</b>	<b>64,091,565</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian harta tetap	(29,106,887)	(25,201,538)	(28,317,552)	(24,333,266)
Pembinaan dalam kemajuan	(89,337,623)	(12,812,410)	(58,073,357)	(12,450,585)
Pengurangan nilai pelaburan Jangka Panjang	-	3,000,000	-	3,000,000
Pengurangan nilai pelaburan taksiarharga	(2,500)	37,500	-	-
Pelaburan anak syarikat	-	-	(1,500,000)	-
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(118,447,010)</b>	<b>(34,976,448)</b>	<b>(87,890,909)</b>	<b>(33,783,851)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Penerimaan pinjaman berjangka	32,919,308	-	-	-
Pembayaran balik pemiutang sewabeli	(24,812)	-	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	(17,324,096)	(16,531,614)	-	-
Sewaan Pajak	7,540,000	-	7,540,000	-
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>23,110,400</b>	<b>(16,531,614)</b>	<b>7,540,000</b>	<b>-</b>
<b>PERTAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DALAM TAHUN</b>	<b>101,496,379</b>	<b>31,826,111</b>	<b>101,745,547</b>	<b>30,307,714</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>239,378,396</b>	<b>207,552,285</b>	<b>227,764,580</b>	<b>197,456,866</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>340,874,775</b>	<b>239,378,396</b>	<b>329,510,127</b>	<b>227,764,580</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA :</b>				
Simpanan Tetap Jangka Pendek	323,600,000	223,550,000	323,600,000	223,550,000
Wang di tangan dan di bank	17,274,775	15,828,396	5,910,127	4,214,580
	<b>340,874,775</b>	<b>239,378,396</b>	<b>329,510,127</b>	<b>227,764,580</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**1. KENYATAAN AM DAN AKTIVITI UTAMA**

**a. Am**

Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.

